KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	06/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			

Kosmo 6.12.2021_37

RUB bangunkan projek ladang solar di Bidor

TAPAH – Ranhill Utilities Berhad (RUB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Ranhill Solar 1 Sdn. Bhd. membangunkan sebuah ladang solar seluas 181 ekar di Ladang Bikam, Bidor dekat sini yang juga merupakan projek pertama seumpamanya bagi syarikat tersebut.

RUB merupakan antara beberapa syarikat yang menerima kuota pembekalan tenaga oleh Suruhanjaya Tenaga dalam pembangunan Loji Jana Kuasa Solar Berskala Besar (Large Scale Solar), bagi kitaran 4 (LSS4), di Semenanjung Malaysia.

Projek yang akan bermula tahun hadapan dan siap dalam tempoh 18 bulan itu dijangka menawarkan peluang pekerjaan selain membawa limpahan ekonomi kepada penduduk.

Presiden Kumpulan Ranhill, Tan Sri Hamdan Mohamad berkata, Bidor dipilih sebagai lokasi projek kerana faktor geografinya yang landai selain mempunyai kadar penghasilan suria yang tinggi.

Menurut beliau, projek tersebut dibangunkan di ladang pertanian kelapa sawit milik Sime Darby Plantation Berhad bagi tempoh pajakan selama 23 tahun.

"Ia akan melibatkan kerja-kerja reka bentuk, pembekalan, pembinaan, pemilikan, pengoperasian dan penyelenggaraan Loji Fotovoltan Solar Skala Besar 50MW membekalkan tenaga elektrik selama 21 tahun mulai tahun 2023.

"Perjanjian pembelian tenaga elektrik yang dijana menerusi ladang solar ini juga telah dimeterai dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas majlis pecah tanah Projek Berskala Besar 50MWac Ranhill Solar 1 di Ladang Bikam, Bidor dekat sini semalam.

Majlis pecah tanah itu telah disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Projek ini akan dibiayai menerusi suntikan ekuiti oleh RUB dan terbitan bon patuh syariah di pasaran modal tempatan.